

31/08/2003

Di sebalik laungan merdeka!

Yusof Haslam

SEJAK 1957 kedatangan tarikh 31 Ogos memberi makna besar kepada rakyat Malaysia. Pada tarikh itu, negara yang kita cintai ini bebas daripada cengkaman penjajah Inggeris. Malaya dan kemudiannya Malaysia menjadi sebuah negara merdeka dan berdaulat.

Kemerdekaan nikmat besar kepada rakyat Malaysia berbanding sesetengah negara lain yang lebih dulu mencapai kemerdekaan. Ini kerana kemerdekaan membawa kebahagiaan kepada kita dari segenap aspek kehidupan termasuk ekonomi, sosial dan politik.

Malaysia negara berbilang kaum, berbilang kebudayaan dan berbilang agama. Ia mempunyai perbezaan atau percanggahan dalam unsur tertentu. Tetapi segala unsur perbezaan dan percanggahan itu bukanlah penghalang kepada jalinan perpaduan antara kaum.. Inilah sebenarnya formula yang membawa kepada perpaduan kaum di negara kita yang menjadi benteng keutuhan negara.

Itulah juga yang membezakan Malaysia yang merdeka dengan sesetengah negara lain yang juga merdeka termasuklah juga negara yang hanya terdiri dari satu kaum. Tetapi kita jangan sekali-kali lupa mengingati keharmonian, kedamaian dan kemakmuran yang kita nikmati sejak kita merdeka bukanlah datang secara mudah. Ia wujud daripada perancangan rapi dan visi yang jauh daripada minda pemimpin kita sejak mula kita mencapai kemerdekaan sehinggalah kini. Daripada kepemimpinan Perdana Menteri pertama, Almarhum Tuanku Abdul Rahman Putra Al-Haj, beralih kepada Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Hussein Onn sampailah kepada kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Setiap pemimpin besar kita itu mengatur strategi tersendiri untuk memajukan Malaysia dengan gaya tersendiri. Hari ini Malaysia yang sejak 22 tahun lalu diketuai Dr Mahathir terkenal di seluruh dunia sebagai sebuah negara membangun yang maju dan pragmatik. Kita telah mengatasi kemajuan sesetengah negara membangun lain malah begitu rapat menyaingi negara jiran yang suatu masa lalu jauh meninggalkan kita.

Sesuatu yang menjadikan kita sentiasa megah ialah kerajaan kita tidak pernah angkuh dengan kemajuan yang bertali arus. Di samping itu, kerajaan kita tidak pula berasa kerdil dan malu dengan segala cemuhan. Pemimpin kita terus berusaha dan berjuang untuk mempertingkatkan kejayaan dan kemajuan.

Melihat kepada perkembangan dunia hari ini tidaklah mudah untuk kita mempertingkatkan kejayaan atau mempertahankan kemajuan jika tidak adanya kekuatan dari kerajaan yang kuat dan mantap. Harus diingat dunia sudah terhumban ke kancah gelora yang tidak menentu. Negara besar tidak segan lagi untuk mencerooboh negara lain.

Lihatlah apa yang terjadi kepada Iraq, Palestin dan beberapa negara lain. Bumi mereka dicerooboh dan nyawa penduduknya tidak bernilai lagi. Kematian sudah menjadi perkara lumrah selain dari kemusnahan yang sudah menjadi perkara biasa.

Kemusnahan jiwa dan harta benda bukan lagi kita dengar berlaku di negara jauh dari kita. Negara jiran kita sudah mengalaminya seperti apa yang berlaku di Indonesia. Pengeboman di Bali pada 12 Oktober 2002 mengorbankan banyak nyawa orang yang tidak berdosa. Di Jakarta pula pada 5 Ogos lalu berlaku kejadian yang sama.

Pada 19 Ogos lalu sekurang-kurangnya 19 orang terbunuh dan ramai pula yang cedera apabila satu serangan berani mati dengan bom kereta

meruntuhkan bahagian depan bangunan Hotel Canal yang menjadi ibu pejabat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Iraq. Sampai bilakah pengeboman akan terus berlaku? Bilakah keadaan huru hara begini akan dihentikan?

Kita akan mendengar lagi dari semasa ke semasa keselamatan sesebuah negara tergugat. Nyawa orang yang tidak berdosa terkorban di tangan pengganas atau mereka yang ingin membalas dendam. Janganlah sampai gejala buruk begini menular pula di negara kita yang dibangunkan secara teratur berpaksikan kecekapan serta kebijaksanaan. Semoga Allah SWT memelihara negara kita yang tercinta ini dan dijauhi dari segala angkara durjana.

Tanamkanlah jati diri dan semangat patriotisme kita hatta ke peringkat membuat pengorbanan. Janganlah kita terlalu mementingkan diri kerana kita adalah sebahagian daripada denyut jantung negara kita sendiri. Kesedaran kepada erti nikmat kemerdekaan perlu wujud dalam diri seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira batas politik, agama dan kaum.

Janganlah ada pihak yang memburukkan pemimpin dan negara sendiri sehingga sanggup bersekongkol dengan musuh kita. Kita seharusnya menjadi bangsa yang tahu menghargai nikmat kemerdekaan.

Saya yakin keupayaan rakyat khususnya menyediakan kekuatan ilmu, kemahiran dan kekuatan moral serta tahap kecintaan dan kesetiaan kepada negara yang tinggi akan menjadi benteng kepada sebarang pencerobohan. Marilah kita kibarkan Jalur Gemilang dengan semangat patriotisme. Selamat menyambut hari kebangsaan!